

R B337 BAH
MT - ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 23 MAC (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI MENGUMUMKAN PENERIMAAN PERMOHONAN PROF. SYED HUSSAIN AL ATTAS DAN TIGA ORANG BEKAS ANGGOTA PAS UNTUK MEMASUKKI UMNO.

PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHAHTIR MOHAMAD MENGUMUMKAN DEMIKIAN PADA SIDANG AKHBAR DI BANGUNAN UMNO SELEPAS MESYUARAT MAJLIS ITU YANG BERLANGSUNG SELAMA ENAM JAM.

BELIAU BERKATA TIGA ORANG BEKAS ANGGOTA PAS IALAH HAJI ABDUL RAHMAN MUSA MELALUI CAWANGAN UMNO SEBERANG TEMERLOH, BAHAGIAN TEMERLOH, HAJI ABDULLAH HAJI ISHAK DAN AHMAD RAZALI ISMAIL, KEDUANYA MELALUI CAWANGAN SUNGAI KOYAN TIGA, BAHAGIAN LIPIS.

BELIAU BERKATA PERMOHONAN OLEH BEKAS PRESIDEN PARTAI SOSIALIS RAKYAT MALAYSIA (PSRM) DR KASSIM AHMAD BELUM LAGI DIBANGKITKAN PADA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI DAN MASIH LAGI DI PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN.

PROF SYED HUSSAIN AL ATTAS, 57, SEORANG PENGASAS PARTI GERAKAN, TELAH MEMOHON MEMASUKI UMNO MELALUI CAWANGAN LANGKASUKA, LARKIN, PADA JANUARI LALU.

MENURUT LAPORAN BERNAMA JANUARI LALU, PROF SYED HUSSAIN BERKATA HASRATNYA MENYERTAI UMNO IALAH UNTUK MEMBANTU PARTI ITU MENYELESAIKAN BEBERAPA MASALAH TERUTAMA BERHUBUNG KEGIATAN PELAMPAU AGAMA.

BELIAU SEKARANG MEMEGANG JAWATAN KETUA JABATAN PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI NASIONAL SINGAPURA. -- BERNAMA.

1914MST 23 03 86